

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Great Generation Care. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")
Nama Produk : Great Generation Care
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah product ini?

Great Generation Care ialah pelan tanpa penyertaan dalam keuntungan yang menawarkan perlindungan insurans sehingga hayat yang diasuranskan mencapai umur 80 tahun hari jadi berikut. Pelan ini membayar manfaat dalam satu jumlah sekali gus jika anda meninggal dunia, mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD"), atau didiagnosis dengan Kejadian yang Dilindungi dalam tempoh polisi. Sebagai tambahan, pelan ini juga menyediakan perlindungan terhadap Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak bagi anak-anak anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asas bagi pelan ini ialah RM<Basic Sum Assured>.

Pelan ini menyediakan:

i) Manfaat Kematian

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia, mana yang lebih tinggi daripada 100% jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

ii) Manfaat TPD

Jika TPD berlaku sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, manfaat kematian akan didahulukan seperti berikut:

- manfaat kematian tidak melebihi RM10,000,000 akan dibayar secara 3 kali ansuran tahunan iaitu yang pertama akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus bagi manfaat kematian atau RM2,000,000, mana yang paling kurang, dan
• baki manfaat kematian akan dibayar dalam dua ansuran tahunan yang sama nilai.

Manfaat TPD maksimum yang boleh dibayar di bawah ini dan semua polisi insurans (termasuk rider) ke atas hayat yang diasuranskan yang sama adalah RM10,000,000 bagi setiap hayat (tidak termasuk polisi berkelompok).

iii) Manfaat Kejadian yang Dilindungi

Jika salah satu Kejadian yang Dilindungi berlaku kepada hayat yang diasuranskan, mana yang lebih tinggi daripada 100% jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

Nota:

Jika Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari berlaku, hanya 10% daripada jumlah asurans asas akan dibayar, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat. Manfaat bagi kematian, TPD, Kejadian yang Dilindungi lain yang berlaku kepada hayat yang diasuranskan dan manfaat matang yang dibayar seterusnya di bawah polisi ini akan dikurangkan sewajarnya.

iv) Manfaat Perlindungan Anak

Jika salah satu Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak berlaku kepada anak hayat yang diasuranskan, manfaat berikut akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus, tertakluk pada amaun maksimum bagi setiap anak ke atas hayat yang diasuranskan yang sama ("Pembayaran yang Layak"):

Table with 2 columns: Tahun Polisi, % of Jumlah Asurans Asas. Rows: 1 (5%, sehingga maksimum RM12,500), 2 (10%, sehingga maksimum RM25,000), 3 dan ke atas (20%, sehingga maksimum RM50,000)

Nota:

- Jika Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari berlaku, hanya 10% daripada Pembayaran yang Layak akan dibayar, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap anak. Manfaat Perlindungan Anak yang dibayar seterusnya di bawah polisi ini akan dikurangkan sewajarnya.
• Tiada had bagi tuntutan yang boleh dibuat di bawah Manfaat Perlindungan Anak. Namun, Manfaat Perlindungan Anak akan dibayar sekali sahaja untuk setiap anak di bawah polisi ini, kecuali tuntutan pertama bagi anak ialah Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari.
• Had seumur hidup maksimum adalah RM100,000 bagi setiap anak.
• Jika kematian, TPD, atau salah satu Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku kepada hayat yang diasuranskan, Manfaat Perlindungan Anak akan ditamatkan.

v) Manfaat Sokongan Emosi

Apabila suatu tuntutan dibayar bagi Manfaat Perlindungan Anak atau Parent Protect Rider (jika ada), tambahan 1% daripada jumlah asurans asas akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus, tertakluk pada agregat amaun maksimum RM10,000 bagi setiap hayat.

- vi) Manfaat Matang
Apabila hayat yang diasuranskan masih hidup sehingga tarikh matang bagi polisi, mana yang lebih tinggi daripada 100% jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: <Term of Assurance> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium yang anda perlu bayar bagi pelan ini: RM<Premium> <Premium Mode>
- Tempoh premium: sama seperti tempoh perlindungan atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- Premium yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Syarikat.
- Kadar premium yang dikenakan bergantung pada umur hari jadi berikut semasa kemasukan, jantina dan status merokok. Namun, bayaran premium akan bertambah jika perlindungan bertambah.
- Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada ulang tahun polisi. Syarikat berhak menyemak semula premium dengan memberikan anda notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Semakan semula, jika ada, menyasarkan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan akan ditambah pada premium yang dinyatakan dalam soalan 3 di atas, bagi premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan selain daripada Syarikat.
- Komisen terus keseluruhan adalah amaun yang diterima pengantara untuk jualan polisi ini dan perkhidmatan yang diberi pengantara bagi tempoh polisi anda.
- Komisen terus keseluruhan berbeza mengikut amaun premium (tidak termasuk sebarang premium tambahan).
- Peratusan bagi komisen terus keseluruhan adalah seperti berikut:

| | | | | | | | | |
|---|--|--|--|--|--|--|--|--|
| Tahun Polisi | | | | | | | | |
| Peratusan bagi Komisen Terus Keseluruhan (%) | | | | | | | | |

Nota: Bagi amaun komisen terus keseluruhan, sila rujuk pada ilustrasi jualan.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan – Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan umur dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas – Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya. Premium yang telah dibayar (setelah ditolak dengan sebarang bayaran perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- Tempoh menunggu – Kelayakan bagi Manfaat Kejadian yang Dilindungi dan Manfaat Perlindungan Anak hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak) selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- Tempoh hidup – Manfaat Perlindungan Anak hanya akan dibayar jika anak hayat yang diasuranskan masih hidup selama 14 hari selepas Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak berlaku.
- Prosedur tuntutan – Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat TPD jika TPD:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
 - disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
 - disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kejadian yang Dilindungi jika keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan Kejadian yang Dilindungi:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu.

- sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian adalah Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh dan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan, yang dilindungi di bawah pelan ini.
 - disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah secara langsung.
 - disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- iv. Syarikat tidak akan bertanggungjawab membayar sebarang Manfaat Perlindungan Anak jika:
- Keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu.
 - sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - disebabkan anak hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh anak hayat yang diasuranskan.
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian adalah Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh dan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan, yang dilindungi di bawah pelan ini.
 - didiagnosis dengan kecacatan atau penyakit kongenital secara langsung atau tidak langsung, yang telah jelas atau didiagnosis sebelum anak hayat yang diasuranskan mencapai umur 1 tahun atau kurang.
 - disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah secara langsung.
 - disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
 - Anak hayat yang diasuranskan:
 - adalah melebihi umur 17 tahun hari jadi berikutan pada tarikh keluaran polisi.
 - adalah melebihi umur 18 tahun hari jadi berikutan apabila Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak berlaku.
 - tidak dapat hidup sekurang-kurangnya 14 hari selepas Kejadian yang Dilindungi atau Penyakit Kanak-kanak berlaku.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Ya, anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda mungkin luput melainkan ia mempunyai nilai tunai. Amaun tunai yang dibayar oleh Syarikat apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang mungkin berkurangan daripada amaun premium keseluruhan yang anda telah bayar.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya / penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda / penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda / penama dengan sepatutnya.

9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans hayat serta insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8888

Faks : (603) 4259 8000

Customer Service Careline : 1300 1300 88

E-mel : wecare-my@greateasternlife.com

10. Apakah jenis pelan lain yang serupa?

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis pelan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemrosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web greateasternlife.com, atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.